

**NO.SOALAN : 56**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI**  
**[SUNGAI BESAR]**

**TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI [SUNGAI BESAR]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejauh manakah pemantauan dijalankan oleh pihak Kementerian bagi memastikan kutipan terkumpul hasil jualan beg plastik di pusat membeli belah benar-benar digunakan oleh pihak terbabit bagi program corporate social responsibility (CSR) selari dengan kehendak polisi sedia ada.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Objektif utama Kempen Kurangkan Penggunaan Beg Plastik yang diadakan pada setiap hari Sabtu adalah untuk meningkatkan kesedaran pengguna terhadap kepentingan menjaga alam sekitar. Kerajaan sentiasa berusaha untuk menyediakan persekitaran yang bersih dan selamat kepada semua lapisan masyarakat. Kempen ini adalah satu daripada usaha kerajaan dalam memastikan alam sekitar terpelihara dengan meminimumkan penggunaan sumber asli, bahan toksik dan pengeluaran bahan buangan.

Buat masa ini, Kementerian hanya menjalankan kempen tersebut secara sukarela melibatkan pasaraya yang ingin menyertainya dan pemantauan adalah berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh pihak pasaraya berkenaan pelaksanaan program *corporate social responsibility* (CSR) yang telah diljalankan. Selain itu, pihak Kementerian juga mengadakan *engagement* dari semasa ke semasa bersama pihak pasaraya yang terlibat.